

17 Ogos, 1981

Putusan PM tak hadir sidang Komanwel disokong

KUALA LUMPUR, Rabu — Pergerakan Pemuda UMNO menyokong penuh keputusan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak akan menghadiri persidangan ketua-ketua negara Komanwel yang akan berlangsung di Melbourne pada 30 September ini.

Ketua Pergerakan, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin berkata hari ini, ada anggota-anggota Komanwel yang tidak memberikan pertolongan kepada anggota Komanwel yang lain tetapi sebaliknya memberi kemudahan-kemudahan yang diperlukan kepada negara-negara bukan ahli.

"Jadi apakah gunanya Perdana Menteri memberi perhatian yang berat kepada persidangan Komanwel," tambah beliau.

Beliau lalu merayu kerajaan agar mengalihkan pandangannya daripada Komanwel kepada negara-negara Islam dan negara-negara ASEAN.

Katanya, adalah wajar bagi Malaysia memberi perhatian yang berat kepada perhubungannya dengan negara-negara ASEAN dan negara-negara Islam terutama negara-negara Islam di Asia Barat.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu pemberita semalam, beliau akan menumpukan sepenuh perhatian terhadap urusan dalam negeri daripada menghadiri persidangan tersebut yang disifatkan "sebagai banyak bercakap tetapi tiada kemajuan yang dicapai". — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia